

20/11/1999

Waad kekal di Gemencheh

SEREMBAN, Jumaat - Datuk Waad Mansor, yang Oktober lalu dibebaskan daripada tiga tuduhan rasuah, akan bertanding mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Gemencheh dalam pilihan raya kali ini.

Pemilihan bekas anggota Exco itu ternyata mengejutkan pemerhati politik negeri yang sebelum ini membuat spekulasi beliau akan digugurkan berikutan kes rasuah yang dihadapinya.

Ketika ditemui di majlis pengumuman calon Barisan Nasional (BN) di kediaman Menteri Besar di sini, hari ini, Waad ditemani penyokongnya kelihatan gembira.

"Manusia pilih... Tuhan (Allah) tentukan. Ini adalah anugerah kepada saya daripada Tuhan," katanya yang meletakkan jawatan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan dan Sumber Manusia apabila dikenakan tuduhan rasuah berhubung kelulusan tanah.

Beliau berterima kasih kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad kerana memberi peluang kepadanya bertanding.

Katanya, Penasihat Undang-Undang negeri memaklumkan bahawa tidak ada masalah untuk bertanding.

Apabila ditanya sama ada dua tuduhan lain terhadapnya digugurkan, beliau berkata: "Saya tidak tahu".

Terdahulu Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, pada sidang akhbar, berkata berdasarkan pengetahuannya, Waad kini bebas daripada tuduhan rasuah dan pencalonannya diluluskan Dr Mahathir.

"Saya juga tidak tahu ada tuduhan lain terhadap Waad," katanya.

Waad dihadapkan ke mahkamah pada 27 Mei tahun lalu dan menghadapi lima tuduhan rasuah. Tiga tuduhan sudah dibicarakan dan beliau diisytiharkan tidak bersalah dan dibebaskan pada 8 Oktober lalu.

(END)